



**BINCANG:** Marcus (dua kiri) sedang mengadakan perbincangan hasrat kerjasama UMS dengan Ketua Jabatan Hubungan Antarabangsa University of Medicine and Pharmacy, To Mai Xuan Hong (kiri). Turut kelihatan Jakaria (dua kanan) dan Salbinous (kanan).

## UMS perkasa jalinan kerjasama akademik di Vietnam

Oleh Yap Siong Han

UB 25.8.2019 A4

**KOTA KINABALU:** Dua lagi universiti terkemuka di Ho Chi Minh City Vietnam mengalu-alukan hasrat Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk mengadakan jalinan kerjasama akademik termasuk pertukaran pelajar dan pensyarah serta aktiviti penyelidikan.

Penolong Naib Canselor UMS, Prof Dr Marcus Jopony berkata, universiti berkenaan ialah Ho Chi Minh City University of Technology (HUTECT) dan University of Medicine and Pharmacy Ho Chi Minh City.

“HUTECT yang telah ditubuhkan pada tahun 1995 merupakan universiti swasta komprehensif dengan 13 fakulti.

“Universiti ini aktif dalam kolaborasi akademik dengan institusi luar negara termasuk Open University dari Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagi University of Medical and Pharmacy pula, Marcus berkata ia merupakan univer-

siti berasaskan perubatan yang terkemuka di Selatan Vietnam yang ditubuhkan pada tahun 1947.

“Universiti ini juga mempunyai kerjasama akademik dengan universiti terkemuka dunia termasuklah Harvard University Amerika Syarikat; Tsukuba University, Jepun; dan National Cheng Kung University, Taiwan.

“Adalah menjadi harapan bahawa kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan rasminya dalam masa terdekat,” katanya.

Marcus mengetuai rombongan UMS dalam siri lawatan kerja tiga hari ke Vietnam yang dimulakan dengan lawatan ke Vietnam National University Ho Chi Minh City pada Khamis.

Lawatan itu merupakan salah satu usaha UMS ke arah meningkatkan keterlihatan di peringkat global khususnya di Vietnam.

Turut serta pada lawatan itu ialah Dr Jakaria Dasan dan Salbinous Saribun dari Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat UMS.

